

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA**
[PARIT BUNTAR]
TARIKH : **19.5.2016**
SOALAN :

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan yang telah dibuat bersama Sasterawan Negara dalam membudayakan sastera rakyat dan program-program yang telah diatur agar sastera tidak dilihat sebagai satu perkara yang asing dalam masyarakat, bahkan sebagai teras budaya dalam membina jatidiri negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sejak awal pengiktirafan karyawan sebagai Sasterawan Negara telah melaksanakan pelbagai program dan kegiatan yang berupaya mengangkat sastera kebangsaan sebagai teras jati diri negara. Antara program atau kegiatan yang telah dirancang dan dilaksanakan bagi mendukung misi ini ialah:

1. Komponen Sastera (Komsas) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Karya Sasterawan Negara yang bersesuaian dengan aspirasi negara dipilih sebagai teks Komsas dan edisi khas untuk bacaan pelajar.
2. Perkongsian ilmu antara Sasterawan Negara dengan khalayak, khususnya dengan penulis, pembimbing sastera, pelajar bidang kesusasteraan dan murid sekolah melalui seminar, persidangan, forum, dialog, dan lain-lain di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.
3. Program Promosi karya Sasterawan Negara yang memberikan impak yang tinggi terhadap pembangunan modal insan melalui aktiviti seperti Bicara Karya, penterjemahan karya ke dalam bahasa utama dunia, dan penglibatan dalam pesta buku antarabangsa untuk urus dagang hak cipta.

4. Program Penulisan dan pencalonan Sasterawan Negara untuk hadiah/anugerah antarabangsa seperti Anugerah Sastera Antarabangsa Dublin (2016) dan hadiah lain pada peringkat Asia Tenggara.
5. Pelantikan Sasterawan Negara dalam pelbagai Jawatankuasa dan sebagai panel hakim/penilai pada peringkat DBP, kementerian dan kebangsaan. Melalui keanggotaan jawatankuasa ini, Sasterawan Negara dapat menyuarakan pandangan dalam kalangan pemikir dan pihak berkepentingan.
6. Kemudahan berkarya kepada Sasterawan Negara dari segi penyelidikan dan tempat.
7. Karya Sasterawan Negara yang bersesuaian dipentaskan atau diterjemahkan dalam bentuk filem atau drama supaya dapat dinikmati dan difahami oleh masyarakat.

Melalui Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) pula, beberapa program penting untuk mengantarabangsakan karya Sasterawan Negara iaitu:

1. Projek Penterjemahan Judul Sastera ke Bahasa-bahasa Utama Dunia yang dilaksanakan secara terancang mulai tahun 2008 sehingga 2010 dan diteruskan hingga kini. Secara dasarnya, ITBM dan sasterawan Malaysia bersetuju untuk menterjemahkan minimum empat karya daripada setiap Sasterawan Negara dan sekurang-kurangnya dua karya daripada setiap Pemenang Anugerah Penulisan Asia Tenggara (S.E.A. Write Award). Bahasa sasaran terjemahan yang diusahakan adalah bahasa Inggeris, Jerman, Perancis, Sepanyol, Arab, Korea, Mandarin, Rusia dan Jepun.
2. Projek Penterjemahan dan Penerbitan 7 Judul Karya Agung Melayu dalam Bahasa Inggeris iaitu *The Epic of Hang Tuah* (Hikayat Hang Tuah), *The Precious Gift* (Tuhfat Al Nafis) dan *The Pasai Chronicle* (Hikayat Raja Pasai).